

**SKEMA PEMARKAHAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN 5
TINGKATAN 5
2026**

**Bahagian A :
Karangan Respons Terhadap
[30 markah]**

FORMAT PENULISAN KOMEN :

T - menepati tema / tugas
I - relevan, huraian, jelas
B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
P - menarik dan berkesan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>TEMA/TUGASAN</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> - idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas - huraian jelas dan matang <u>BAHASA</u> - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - unsur bahasa yang digunakan bervariasi - penggunaan tanda baca betul dan tepat - menggunakan ungkapan yang menarik yang sesuai dan tepat - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu <u>PENGOLAHAN</u> menarik dan berkesan - laras bahasa sesuai mengikut tugas - wacana lengkap - pemerenggan sesuai Ungkapan menarik :(peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>TEMA/TUGASAN</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> - idea relevan dengan tema bahan rangsangan - huraian jelas <u>BAHASA</u> - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan kosa kata luas - unsur bahasa yang digunakan bervariasi - penggunaan tanda baca betul dan tepat - menggunakan ungkapan yang menarik - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu <u>PENGOLAHAN</u> - Pengolahan menarik - laras bahasa sesuai mengikut tugas - wacana lengkap - pemerenggan sesuai
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>TEMA/TUGASAN</u> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas - huraian masih jelas <u>BAHASA</u> - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan kosa kata masih luas /terhad - unsur bahasa masih bervariasi - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ketara <u>PENGOLAHAN</u> masih menarik - laras bahasa masih sesuai mengikut tugas - wacana masih lengkap - pemerenggan masih sesuai

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Pencapaian Minimum	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>TEMA/ TUGASAN</u> ▪ kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas <u>IDEA</u> ▪ idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan ▪ huraian kurang jelas <u>BAHASA</u> ▪ bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat ▪ kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara ▪ penggunaan kosa kata terhad ▪ unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi ▪ ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara <u>PENGOLAHAN</u> ▪ kurang menarik ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas ▪ wacana kurang lengkap ▪ pemerenggan kurang sesuai
Tidak Mencapai Tahap Pencapaian Minimum [TPM]	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	▪ calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ▪ idea tidak menepati tema bahan rangsangan/ tugas ▪ banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

Bahagian B
Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

FORMAT PENULISAN KOMEN :

T – menjawab tugas
I – relevan, huraian jelas dan matang
B – gramatis, kosa kata luas dan tepat
P – menarik dan berkesan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70	<u>TEMA/TUGASAN</u> - Karangan menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea relevan mengikut tugas - huraian jelas dan matang - contoh yang sesuai <u>BAHASA</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan unsur bahasa bervariasi - Penggunaan tanda baca betul dan tepat - Gaya bahasa amat menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>PENGOLAHAN</u> sangat menarik dan berkesan - pemerenggan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - laras bahasa sesuai mengikut tugas Ungkapan menarik : (peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)
	(68 – 70)	
	(64 – 67)	



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KEPUJIAN	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>TUGASAN</u> - Karangan menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea relevan mengikut tugas - huraian jelas - contoh yang sesuai <u>BAHASA</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan tanda baca betul dan tepat - Penggunaan unsur bahasa bervariasi - Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>PENGOLAHAN</u> menarik dan berkesan - pemerenggan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - laras bahasa sesuai mengikut tugas
BAIK	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>TUGASAN</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan mengikut tugas - huraian masih jelas - contoh masih sesuai <u>BAHASA</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - Penggunaan kosa umum - ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu - Penggunaan tanda baca masih betul - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>PENGOLAHAN</u> masih menarik - pemerenggan masih sesuai - wacana masih lengkap - laras bahasa sesuai mengikut tugas

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
MEMUASKAN	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>TUGASAN</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan - huraian kurang jelas - contoh kurang sesuai <u>BAHASA</u> - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>PENGOLAHAN</u> kurang menarik - pemerenggan kurang sesuai - wacana masih/ kurang lengkap - laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas
PENGUASAAN MINIMUM	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>TUGASAN</u> - Karangan kurang menjawab tugas <u>IDEA</u> - idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk - huraian tidak jelas/tidak berkembang - contoh tidak sesuai <u>BAHASA</u> - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi - Gaya bahasa lemah dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah <u>PENGOLAHAN</u> tidak menarik - pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - wacana tidak lengkap

TIDAK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	▪ keseluruhan karangan sukar/tidak difahami ▪ idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik ▪ Pengolahan tidak menarik ▪ Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang ▪ Wacana tidak lengkap
--	---	---

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi 'di ... (rumah)' dan 'ke ... (sana)'
10. Angka
11. Kata Majmuk

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi/fakta

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

Bahagian A

[30 markah]


Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan alam sekitar di negara kita.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di negara kita**.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Sebanyak 9681 laporan pencemaran alam sekitar diterima membabitkan pencemaran air, udara, tanah, buangan terjadual, bunyi bising, tumpahan minyak dan lain-lain.



**Penalti RM10 juta,
penjara mandatori
cemar sungai wajar**

Hukuman
sempai ber
penghantar
kepada
pernah

Ingat kembali yang pernah
dengar hukuman RM10 juta
kepada penjenayah alam
sekitar.

Hukuman ini adalah untuk
menjaga alam sekitar dan
menjaga kesihatan manusia.
Hukuman ini adalah untuk
menjaga alam sekitar dan
menjaga kesihatan manusia.

Kehendak / Tugas soal:

1. Calon dikehendaki menganalisis dan menghuraikan **langkah/usaha/cara penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di negara kita** iaitu:
 - a. amalan kitar semula
 - b. penguatkuasaan undang-undang / mengenakan denda
2. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
3. Calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain - diterima dan disemak seperti biasa.
4. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
5. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
6. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

BAHAGIAN B

[70 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

1.

Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mempunyai misi untuk menarik minat golongan muda terutama lepasan universiti yang enggan menceburkan diri dalam bidang pertanian. Ahli Parlimen Pasir Puteh itu berkata, dengan ilmu pengetahuan graduan berkenaan dapat menjana pendapatan.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my/>

Huraikan kelebihan yang dinyatakan dalam petikan berserta kelebihan-kelebihan lain menceburi bidang tersebut.

Kehendak tugas :

Calon dikehendaki menghuraikan **kelebihan menceburi bidang pertanian moden di dalam petikan dan kelebihan lain** iaitu :

- i. Calon perlu menjelaskan **manfaat/ kebaikan/ faedah/ kelebihan** menceburi bidang pertanian moden.
- ii. Kelebihan dalam bahan - dengan ilmu pengetahuan graduan dapat menjana pendapatan.
- iii. Kelebihan lain - peluang pekerjaan, meningkatkan ekonomi keluarga dan negara.

Cadangan isi lain yang sesuai diterima.

Kemungkinan Jawapan :

1. Calon menghuraikan isi **manfaat/ kebaikan/ faedah/ kelebihan** dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan isi **manfaat/ kebaikan/ faedah/ kelebihan** luar petikan sahaja tanpa menyentuh isi dalam petikan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

2. Penyakit berjangkit merupakan satu fenomena biososial. Bagi mencegah penularan penyakit berjangkit ini semua pihak perlu memastikan sumber air yang digunakan bersih. Semasa mengendalikan makanan atau minuman hendaklah sentiasa mencuci tangan. Elakkan makan makanan yang tidak dibasuh dan tidak dimasak. Selain itu, agensi kesihatan perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan bagi membendung kemasukan pekerja asing yang tidak terkawal serta tanpa saringan kesihatan untuk mengekang penularan penyakit berjangkit.

Sumber : Dewan Siswa , Bil. 9/2018

Berdasarkan petikan, huraikan langkah-langkah mengatasi masalah tersebut.

Kehendak tugas :

Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah mengatasi masalah penyakit berjangkit** iaitu:

1. Semua pihak perlu memastikan sumber air yang digunakan bersih.
2. Semasa mengendalikan makanan atau minuman hendaklah sentiasa mencuci tangan.
3. Elakkan makan makanan yang tidak dibasuh dan tidak dimasak.
4. Agensi kesihatan perlu bekerjasama dengan agensi keselamatan bagi membendung kemasukan pekerja asing yang tidak terkawal serta tanpa saringan kesihatan untuk mengekang penularan penyakit berjangkit.

Kemungkinan Jawapan :

1. Calon menghuraikan **sebahagian idea dalam petikan** dan **sebahagian idea lain** (luar petikan) – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan idea-idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**.

Cadangan isi lain yang sesuai diterima.

3. Semangat patriotisme merujuk perasaan cinta akan negara yang mendalam dan semangat ini penting serta menjadi tunjang kepada perpaduan masyarakat. Namun sejak akhir-akhir ini, semangat patriotisme semakin luntur dalam kalangan masyarakat khususnya para remaja. Dalam usaha meningkatkan semangat ini dan mengekalkan perpaduan, pelbagai pihak perlulah memainkan peranan penting.

Sumber: Berita Harian , Mac 2021

Sebagai respons kepada pernyataan di atas, bincangkan peranan pelbagai pihak dalam menyuburkan semangat tersebut.

Kehendak tugas :

Calon dikehendaki menghuraikan **peranan pelbagai pihak / sekurang-kurangnya melebihi satu pihak menyuburkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.**

Cadangan isi :

- i. Ibu bapa membawa anak-anak menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan.
- ii. Ibu bapa membawa anak-anak melawat tempat bersejarah.
- iii. Media massa menyiarkan dokumentari / filem patriotik.
- iv. Media massa menyiarkan pelbagai pertandingan patriotik.
- v. Kerajaan/Swasta mengadakan kempen kesedaran berkaitan semangat patriotik kepada masyarakat.
- vi. Kerajaan/Swasta menawarkan tajaan / dana untuk aktiviti-aktiviti patriotik.
- vii. Sekolah menganjurkan sambutan Bulan Kemerdekaan.

Cadangan isi lain yang sesuai diterima.

Kemungkinan Jawapan :

1. Calon menghuraikan hanya peranan **satu pihak sahaja** untuk memupuk semangat patriotik dalam kalangan masyarakat - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon membincangkan semangat patriotik **secara umum**, tanpa membincangkan peranan pihak tertentu – maksimum peringkat **BAIK**.

4. Tekanan atau stres merupakan satu keadaan emosi yang boleh dialami oleh sesiapa sahaja, tidak kira usia mahupun latar belakang. Dalam dunia serba pantas ini, tekanan hidup sering kali datang tanpa diduga, sama ada daripada kerja, pelajaran, hubungan sosial mahupun masalah kewangan. Namun, tekanan atau stres yang tidak dikawal boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan mental dan fizikal seseorang.

Sumber : <https://www.bharian.com.my>

Bincangkan punca-punca berlakunya tekanan kepada individu.

Kehendak tugas :

Calon dikehendaki menghuraikan **punca-punca berlakunya tekanan kepada individu** iaitu :

- i. Kerja - Beban kerja yang banyak
- ii. Pelajaran - Terlalu fokus untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang
- iii. Hubungan Sosial – dibuli, masalah rakan sebaya
- iv. Masalah kewangan - miskin, masalah hutang

Kemungkinan Jawapan :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan dengan langkah-langkah - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian sahaja idea dalam petikan serta menambah idea - idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan - maksimum peringkat **BAIK**

Peraturan Pemarkahan Kertas 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta JPN Melaka**.
Kegunaannya khusus untuk pemeriksa Bahasa Melayu Kertas 2 sahaja.

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata bantu** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bantu tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata bantu telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata bantu salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata bantu digunakan sebagai kata berimbuhan, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada markah keseluruhan yang diperolehi.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Bantu

(i) pernah

1. sudah ada mengalami (melakukan, melihat, merasai, dll)
2. sudah berlaku

(ii) telah

1. menyatakan sesuatu perbuatan sudah berlaku atau sudah berlangsung

(iii) dapat

1. boleh (berupaya) melakukan sesuatu
2. beroleh; menerima
3. bertemu dengan apa-apa yang dicari; bersua

(iv) akan

1. sebagai kata bantu untuk menunjukkan sesuatu yang belum berlaku atau masa hadapan.

(v) harus

1. tidak boleh tidak, tidak dapat tidak, mesti, patut, wajib
2. boleh jadi, mungkin
3. tidak mustahil (berlaku, terjadi, dsb), mungkin

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Ayat Majmuk – Ayat Tunggal

1. Batik merupakan warisan seni tekstil yang amat bernilai bagi masyarakat Malaysia.

Batik merupakan warisan seni tekstil. 1

Batik amat bernilai bagi masyarakat Malaysia. 1

2. Hasil seni kraf tangan ini mempamerkan budaya sesuatu bangsa melalui rekaan motif dan warnanya.

Hasil seni kraf tangan ini mempamerkan budaya sesuatu bangsa melalui rekaan motif. 1

Hasil seni kraf tangan ini mempamerkan budaya sesuatu bangsa melalui warnanya. 1

3. Busana batik ini bukan sekadar pakaian tetapi juga menggambarkan Malaysia sebuah negara bertradisi.

Busana batik ini bukan sekadar pakaian. 1

Busana batik ini juga menggambarkan Malaysia sebuah negara bertradisi. 1

(ayat majmuk dalam peraturan ini hanya sebagai panduan guru sahaja. Jika calon tidak menyalin ayat majmuk daripada petikan, tanda seperti biasa.)**

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan

Bahan 1

- | | | |
|--------------------|---|---------------------------|
| 1. di ikuti | - | diikuti |
| 2. mengganggu | - | mengganggu |
| 3. kemarao | - | kemarau |
| 4. bendungan | - | empangan |
| 5. pelbagai -bagai | - | pelbagai / berbagai-bagai |
| 6. setrok | - | strok |
| 7. dari | - | daripada |

[Maksimum: 6 markah]

Bahan 2

- | | | |
|------------------------|---|---------------------|
| 1. hujan hutan tropika | - | hutan hujan tropika |
| 2. dua setengah tahun | - | dua tahun setengah |
| 3. cop | - | cap |
| 4. pelari | - | berlari |
| 5. dianggar | - | dianggarkan |
| 6. dipotong | - | dicukur |

[Maksimum: 5 markah]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4.

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Apabila / setelah hari malam Kertala Sari masuk ke dalam kota. Didengarinya bunyi orang sedang berkawal dengan lembing dan perisai yang mengeluarkan bunyi yang kuat. Kertala Sari membaca jampi sambil dia berjalan di tengah-tengah orang ramai lalu masuk ke rumah Bendahara. Lalu dia mencuri harta yang berharga dan dibawa pulang

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) berat sama dipikul, ringan sama dijinjing / hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah / ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni / seikat bak sirih serumpun bak serai 2
- (ii) api dalam sekam / gunting dalam lipatan / musuh dalam selimut / duri dalam daging 2
- (iii) kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya / yang bulat tidak datang bergolek yang pipih tidak datang melayang / usaha tangga kejayaan / berakit-rakit ke hulu berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian 2

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 6**Markah****(i) Maksud**

- | | |
|---------------------------------------|---|
| - boleh/dapat mengganggu/menjejaskan | 2 |
| - <i>mampu</i> mengganggu/menjejaskan | 1 |
| - boleh/dapat <i>menggugat</i> | 1 |

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Cabaran-cabaran****Bahan 1**

- | | | |
|-----------|---|---|
| P1 | penularan sentimen perkauman | 1 |
| P2 | provokasi melampau di platform media sosial | 1 |
| P3 | jurang ekonomi yang ketara | 1 |
| P4 | pengasingan dalam sistem pendidikan | 1 |

Bahan 2

- | | | |
|-----------|---|---|
| P5 | penyebaran berita palsu yang menyentuh sensitiviti agama dan budaya | 1 |
| P6 | ketidakeimbangan sosioekonomi antara wilayah dan kaum | 1 |
| P7 | keberasingan sistem pendidikan | 1 |

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Punca**

- | | | |
|-----------|---|---|
| P1 | sifat individualistik /pentingkan diri /tidak berminat / sikap introvert / tidak mahu bergaul | 1 |
| P2 | kesibukan bekerja / tugas harian | 1 |
| P3 | perubahan gaya hidup /gaya hidup moden | 1 |
| P4 | perbezaan pemikiran /fahaman / ideologi / politik | 1 |
| P5 | perbezaan budaya / adat / kepercayaan | 1 |
| P6 | perbezaan taraf hidup / sosioekonomi / akademik | 1 |

(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) Langkah-langkah

P1	menasihatinya	1
P2	memaklumkan kepada ibu bapanya	1
P3	meminta bantuan kaunselor / guru	1
P4	meminta bantuan orang yang disegani / dihormati	1
P5	mengajaknya melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah / agama / sukarelawan / riadah	1
P6	mengajaknya melakukan hobi yang bermanfaat	1

(Langkah lain diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

Markah

(i) Soalan

P1	kenapakah tiada tanda pemprosesan makanan?	1
P2	di manakah unit kawalan kualiti, sistem rawatan air?	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Tanda-tanda

Bahan 1

P1	air hitam keperangan	1
P2	bau logam (makin menyengat)	1
P3	(sedikit) bau asid	1

Bahan 2

P4	warna air sungai berubah (<i>jika air sungai berubah warna</i>)	1
P5	ikan mati dan terapung (<i>jika ikan mati terapung ke tepi</i>)	1
P6	bau bahan kimia menusuk hidung (<i>jika bau bahan kimia menusuk deria</i>)	1
P7	buih tebal muncul di permukaan sungai (<i>jika buih tebal muncul di permukaan</i>)	1
P8	air menjadi keruh walaupun tiada hujan (<i>jika air keruh walau tiada hujan</i>)	1

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Faktor-faktor**

P1 pembuangan sisa domestik / sampah	1
P2 pelepasan sisa industri / bahan toksik / tumpahan minyak	1
P3 pembuangan bahan buangan pertanian / sisa haiwan	1
P4 kegiatan pembangunan / tebus guna tanah / pembalakan	1
P5 tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah / kurang kesedaran	1
P6 penguatkuasaan undang-undang yang lemah / kekurangan penguat kuasa / kurang pemantauan	1

(Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) **Langkah-langkah**

P1 mengadakan program gotong-royong berkala	1
P2 menyediakan kemudahan pembuangan sampah / tong sampah	1
P3 melaporkannya kepada pihak berkuasa tempatan	1
P4 menubuhkan pasukan pemantau komuniti	1
P5 menggalakkan amalan kitar semula	1
P6 membuat hebahan / poster / kempen	1

(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

Markah

(i) **Langkah-langkah kawalan**

P1 pasangkan gril	1
P2 kunci rumah dengan baik	1
P3 elakkan daripada melalui jalan-jalan sunyi	1
P4 elakkan keluar malam	1

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(i) Soalan novel : 6 markah

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa yang betul. (P1)
- (iv) Beri 1 markah bagi huraian yang lengkap / jelas bagi setiap peristiwa. (H1)
- (v) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian)
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab, 0 markah

[Maksimum : 6 markah]

(ii) Peristiwa yang bertujuan mendidik pembaca

PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa :** Doktor Raiha prihatin terhadap nasib yang menimpa Unong Siron. Baginya pembedahan sebanyak enam kali tidak sepatutnya berlaku apatah lagi doktor yang melakukan pembedahan tersebut ialah doktor pakar yang bukan calang-calang.

Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca agar memupuk nilai keprihatinan dalam diri.

2. **Peristiwa :** Dr Raiha menghadapi begitu banyak pancaroba. Cita-citanya untuk menjadi doktor bedah ditentang ayahnya. Dia juga menghadapi kematian anaknya dan suaminya yang tidak bertanggungjawab yang sering menghukum.

Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca agar tabah menghadapi kesukaran hidup dengan cekal dan tabah.

3. **Peristiwa :** Felicia Landosi mengakui kesilapan dan memohon kemaafan daripada Dr Raiha atas penglibatannya dalam peristiwa kebakaran kereta yang menyebabkan kematian anaknya Rohayu.

Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca supaya mengamalkan sikap saling memaafkan.

4. **Peristiwa :** Ibu Unong Siron tidak berdendam dengan Felicia Landosi yang selalu berkasar dengannya. Ibu Unong Siron menyelamatkan Felicia Landosi daripada seorang pemuda yang menyamar sebagai doktor palsu.

Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca supaya tidak menyimpan perasaan dendam.

Nota : Cadangan isi lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1.	Peristiwa : Muhammad Taufik dan Budiman taat akan perintah agama kerana mereka berdua sering menunaikan solat berjemaah di masjid. Mereka menunaikan solat Isyak di masjid bersama-sama. Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca mentaati ajaran agama dalam kehidupan.
2.	Peristiwa : Nurul Hafsa telah berjanji membina stor bagi memudahkan ayahnya menyimpan peralatan-peralatan berkebun apabila dia mendapat gaji kelak. Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca agar menyayangi dan menghormati kedua- dua ibu bapa.
3.	Peristiwa : Taufik sanggup membahayakan dirinya bertemu dengan orang suruhan Dato' Johan Arlington Majid di stesen Petronas demi menyelamatkan Nurul Hafsa. Huraian : Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca supaya mempunyai sikap setiakawan.
4.	Peristiwa : Nurul Hafsa berani mempertahankan hujah semasa pembentangan kertas kerja Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan pegawai daerah walaupun mendapat tentangan Dato' Johan Arlington Majid. Huraian: Peristiwa ini bertujuan mendidik pembaca supaya mempunyai sikap berani mempertahankan pendirian walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Nota : Cadangan isi lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- ✓ nama khas
- ✓ perkataan berganda
- ✓ penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- ✓ tarikh
- ✓ angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- ✓ gelaran
- ✓ penanda wacana

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8-10 markah	▪ Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik ▪ Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5-7 markah	▪ Kesenambungan ayat baik ▪ Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3-4 markah	▪ Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik ▪ Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat ▪ Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1-2 markah	▪ Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

P1 ... kelebihan/ kepentingan/ manfaat / kebaikan/ faedah kemahiran komunikasi dan usaha/ langkah-langkah/ cara memperkukuh/meningkatkan kemahiran komunikasi mahasiswa	2
P2 ... kelebihan/ kepentingan/ manfaat / kebaikan/ faedah kemahiran komunikasi	1
P3 ... usaha/ langkah-langkah/ cara memperkukuh/meningkatkan kemahiran komunikasi mahasiswa	1

Isi [16 markah]**Fokus 1 - kelebihan/ kepentingan/ manfaat / kebaikan/ faedah kemahiran komunikasi****BAHAN 1**

A1 menyokong pembentukan jati diri dan hubungan sosial yang positif	2
A2 memperkukuh kesiapsiagaan mereka sebagai modal insan berkualiti	2
A3 membantu seseorang mencapai kejayaan peribadi dan profesional	2

BAHAN 2

B1 meningkatkan keyakinan diri	2
B2 melatih diri lebih berani bercakap di hadapan orang ramai	2

BAHAN 3

C1 membina hubungan yang kuat	2
C2 mengelakkan salah faham dan konflik	2
C3 meningkatkan produktiviti dan prestasi	2

Fokus 2 - usaha/ langkah-langkah/ cara memperkukuh/meningkatkan kemahiran komunikasi mahasiswa**BAHAN 1**

D1 mahasiswa harus terlibat secara aktif dalam perbincangan dalam kelas	2
D2 mereka hendaklah dihipunkan dalam satu kumpulan	2
D3 mereka harus proaktif mencari ruang dan peluang untuk memajukan diri	2

BAHAN 2

- | | |
|---|---|
| E1 setiap pelajar harus diberi peluang untuk membentangkan hasil kajian masing-masing di dalam kelas | 2 |
| E2 mereka (perlu berani bertanya soalan | 2 |
| E3 melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum | 2 |
| E4 pensyarah juga perlu sentiasa menggalakkan mahasiswa bertanya soalan atau berkongsi pendapat | 2 |

KESIMPULAN

- | | |
|--|---|
| K1 Kesimpulannya, kemahiran komunikasi haruslah ditingkatkan agar dapat melahirkan modal insan yang berkualiti. | 2 |
| K2 Kesimpulannya, kemahiran komunikasi haruslah ditingkatkan. | 1 |

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT